

## PEMBANGUNAN KIT INOVASI KATA BERIMBUHAN BAGI MURID SEKOLAH RENDAH

N SIVA PERUMAL NARAYANAN  
Universiti Putra Malaysia  
[sivimal18@yahoo.com](mailto:sivimal18@yahoo.com)

VIJAYALETCHUMY SUBRAMANIAM  
Universiti Putra Malaysia  
[vletchumy@upm.edu.my](mailto:vletchumy@upm.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan kit inovasi kata berimbuhuan untuk mengatasi masalah penguasaan kata berimbuhuan dalam kalangan murid sekolah rendah. Kit inovasi ini berperanan sebagai bahan alternatif aktiviti PdPc kata berimbuhuan, bahan sokongan tenaga akademik untuk mempelbagaikan teknik pengajaran serta menyediakan pelbagai variasi soalan yang menjurus kepada penguasaan kata berimbuhuan. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and development Research Approach*) yang diasaskan oleh Richey dan Klien (2007). Kajian ini dibahagikan kepada tiga fasa. Fasa pertama melibatkan analisis keperluan yang melibatkan 163 orang murid dan lima orang ketua panitia bahasa Melayu bagi mendapatkan maklum balas tentang keperluan kepada pembinaan kit inovasi kata berimbuhuan. Fasa kedua kajian merangkumi pendekatan Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) untuk membangunkan kit inovasi kata berimbuhuan berdasarkan pandangan keputusan panel pakar yang terdiri daripada 20 orang pakar. Fasa terakhir kajian ini ialah fasa penilaian kebolehgunaan kit inovasi kata berimbuhuan. Kajian kuasi eksperimen dijalankan terhadap 68 orang murid yang terdiri daripada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dapatan keseluruhan fasa pertama menunjukkan semua murid dan guru memerlukan kit sokongan berupa bahan alternatif untuk menguasai kata berimbuhuan. Dapatan konsensus pakar, dalam fasa kedua menunjukkan kesemua konstruk kit inovasi mencapai kesepakatan pakar yang baik antara panel pakar dalam pembinaan item kit inovasi iaitu melebihi 66.7%. Hasil kajian kuasi eksperimen dalam fasa ketiga pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian keseluruhan aspek kata berimbuhuan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Pembangunan kit inovasi kata berimbuhuan berupaya meningkatkan penguasaan imbuhan murid sekolah rendah.

**Kata kunci** bahasa Melayu; kata berimbuhuan; kit inovasi; murid; sekolah rendah

## DEVELOPMENT OF AFFIX WORDS INNOVATION KIT AMONG PRIMARY SCHOOL STUDENTS

### ABSTRACT

This study aims to develop affix words innovation kit to overcome the problem of affix words mastery among primary school students. This innovation kit serves as an alternative material for affixing PdPc activities, academic support material to diversify teaching techniques as well as provide various variations of questions that lead to affix words mastery. This study applies the Design and development Research Approach founded by Richey and Client (2007). The research was divided into three phases. The first phase involves the analysis of needs involving 163 students and five committee heads of the Malay language to get feedback about the need for affix words innovation kit. The second phase of the study includes the Fuzzy Delphi Method (FDM) approach in developing affix words innovation kit based on the views of 20 expert panel decision makers. The final phase of this research is the usability evaluation phase of the affix words innovation kit. A quasi-experimental study was conducted on 68 students consisting of a control group and a treatment group. The overall findings of the first phase show that students and teachers need support kits in the form of alternative materials of PdPc activities to master the affix words. Expert consensus findings, in the second phase showed that all innovation kit constructs reached a good expert agreement between the expert panel in the construction of innovation kit items which is more than 66.7%. The results of the quasi-experimental study in the third phase showed that there was a significant difference in the mean score of the overall achievement of the affix words aspect between the students of the experimental group and the students of the control group in the post-test. The development of affix words innovation kit is able to increase the level of proficiency in affix among SJKT students.

**Keywords:** Malay language; affix words; innovation kit; students; primary school

### PENGENALAN

Imbuhan merupakan salah satu komponen tatabahasa dalam Bahasa Melayu. Perkataan-perkataan baharu biasanya dibina menerusi proses pengimbuhan. Oleh itu, imbuhan sering digunakan dalam penggunaan bahasa sehari-hari khususnya bahasa Melayu sama ada melalui percakapan maupun penulisan. Walau bagaimanapun, proses pengimbuhan ini kadang-kala menjadi suatu proses yang agak sukar difahami oleh murid-murid sekolah disebabkan proses ini turut meliputi aspek-aspek lain dan bersifat kompleks. Fenomena ini secara tidak langsung telah menimbulkan kekeliruan kepada murid-murid sekolah rendah.

Terdapat pelbagai huraian terperinci tentang imbuhan yang dilakukan oleh sarjana-sarjana seperti Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam (2019); Nurul Ariqafitri Jumari dan Maisarah Haron (2018); Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2018); Ooi Chwee Hwa (2018); Norhafisya Zabidi (2017); dan Ahmed Hafizainol & Karim Harun (2020). Jika dikaji dengan teliti, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan murid-murid tidak berupaya untuk menguasai imbuhan dengan baik. Antara faktor murid sekolah rendah kurang menguasai imbuhan ialah penggunaan imbuhan yang tidak tepat dan sesuai dalam pertuturan sehari-hari,

masalah mengecam dan mengklasifikasikan imbuhan mengikut jenis dan fungsi serta kurang mempunyai bahan alternatif aktiviti PdPc imbuhan. Situasi ini kerana, murid kurang pendedahan terhadap penggunaan imbuhan yang tepat. Kesalahan ejaan yang banyak dilakukan oleh murid ialah pengimbuhan (Noor Zila, 2015). Hal ini jelas menunjukkan masalah penguasaan imbuhan harus diatasi dengan segera kerana kemahiran imbuhan menjadi tunjang dalam aspek tatabahasa mahupun dalam bahagian penulisan.

Warga pendidik bahasa Melayu juga mendapati masih terdapat murid yang sering melakukan kesalahan imbuhan awalan terutamanya imbuhan awalan meN- dalam membentuk perkataan. Murid sering kali keliru dan banyak melakukan kesalahan imbuhan awalan meN- yang merangkumi imbuhan me-, mem-, men-, meng-, dan menge-. Pengimbuhan perkataan yang salah akan menyebabkan fungsi ayat berubah daripada makna sebenar yang ingin disampaikan. Senario ini menyebabkan kesukaran kepada pemahaman pembaca malah menimbulkan maksud yang berbeza-beza. Murid didapati keliru dengan penggunaan imbuhan awalan meN- yang betul dan tepat. Kesalahan ejaan seperti kesalahan penggunaan imbuhan awalan kerap ditemukan (Noor Zila Md. Yusuf, 2015), malah kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh murid mencatatkan peratusan tertinggi (Nor Zaiton Hanafi *et al.*, 2008; Zamri dan Mohd Amin Embi, 2008).

Masalah penguasaan imbuhan dapat diatasi dengan mereka bentuk kit inovasi kata berimbuhan yang berbentuk teknik permainan. Pembangunan kit inovasi yang bertumpu kepada teknik permainan dan kajian-kajian lepas berkaitan penggunaan kaedah bermain dalam PdPc banyak dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan seperti Nurul Haniza Samsudin (2017); Aliza Ali dan Zamri Mahamod (2016); Mohd Razak Mohd Nordin dan Masitah Ahmad (2016). Dapatkan kajian mereka jelas menunjukkan bahawa keberkesanan teknik permainan dalam PdPc memperkuuh kemahiran yang diajar.

Sejajar dengan itu, kit inovasi kata berimbuhan direka bentuk dengan menggunakan pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR). Pendekatan DDR ini mengandungi 3 fasa iaitu fasa keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolehgunaan. Kit inovasi merupakan bahan sokongan kepada buku teks. Kit pembelajaran ini juga dibina selari dengan tema DSKP Bahasa Melayu sekolah rendah dan sesuai diguna pakai oleh murid-murid dan warga pendidik Bahasa Melayu sekolah rendah. Matlamat utama kit pembelajaran ini adalah untuk melonjakkan prestasi murid dalam PdPc imbuhan. Kit inovasi imbuhan ini berperanan sebagai bahan alternatif aktiviti PdPc imbuhan, bahan sokongan tenaga akademik untuk mempelbagaikan teknik pengajaran serta menyediakan pelbagai variasi soalan yang menjurus kepada penguasaan imbuhan. Proses membina kit inovasi imbuhan berdasarkan DSKP dan buku teks BM sekolah rendah melibatkan tiga fasa utama yakni fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian kebolehgunaan. Berdasarkan kepada tiga fasa ini, beberapa persoalan kajian dibentuk iaitu:

1. Apakah terdapat keperluan kepada pembinaan kit inovasi kata berimbuhan berdasarkan DSKP BM sekolah rendah?
2. Bagaimanakah mereka bentuk kit inovasi kata berimbuhan dengan menggunakan pendekatan DDR?
3. Apakah penilaian kepenggunaan kit inovasi kata berimbuhan berdasarkan kit inovasi imbuhan berdasarkan DSKP BM sekolah rendah?

## METODOLOGI KAJIAN

Pada dasarnya, Richey dan Klein (2007) menjelaskan kaedah ini merangkumi tiga fasa yang sistematik iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk pembangunan dan fasa penilaian kebolehgunaan. Kaedah ini juga membantu pengkaji untuk mereka bentuk sesuatu kajian selain dapat juga mengaplikasi pelbagai instrumen dan kaedah kajian mengikut fasa-fasa yang terkandung di dalamnya.

### Fasa 1: Analisis Keperluan

Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan maklum balas daripada murid dan guru tentang keperluan kit inovasi imbuhan yang akan direka bentuk untuk mengatasi masalah yang sedia ada. Oleh itu, kajian analisis keperluan dilakukan untuk mengetahui permasalahan yang wujud sebelum kit inovasi imbuhan direka bentuk. Motif utama fasa analisis adalah untuk mengenal pasti punca sesuatu masalah (Gagne, Wager, Golas, & Keller, 2005) dan mengambil langkah untuk mengatasi isu yang timbul (Reinbold, 2013). Fasa analisis keperluan berperanan sebagai pemberi maklumat untuk menentukan reka bentuk dan pembangunan sesuatu produk dalam fasa 2 (Gagne et al., 2005). Bertitik tolak daripada itu, kajian analisis keperluan dilakukan untuk mengetahui kaedah pengajaran yang lebih bermakna bagi memudahkan murid-murid menguasai imbuhan dengan mudah dan senang. Hasil daptatan dalam fasa analisis diaplakisikan dalam fasa reka bentuk dan pembangunan kit inovasi imbuhan. Fasa ini membolehkan pengkaji mengenal pasti keperluan untuk membina kit inovasi imbuhan untuk murid. Fasa ini memberi penekanan kepada tahap penguasaan imbuhan dalam kalangan murid melalui soal selidik dan temu bual yang melibatkan lima orang ketua panitia.

### Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan

Fasa ini bertujuan untuk mereka bentuk kit inovasi imbuhan berbantuan DSKP dan buku teks BM untuk diaplakisikan oleh guru dan murid berikutan belum ada kit yang boleh diguna pakai sebagai panduan dalam PdPc imbuhan. Dalam fasa ini, pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* yang berteraskan kepada pandangan dan cadangan pakar dalam bidang Bahasa Melayu serta mendapatkan kesepakatan pakar dalam mengenal pasti kedudukan setiap item dalam kit inovasi imbuhan. Kemudian, kit inovasi yang dibangunkan akan dinilai kepenggunaannya. Kaedah soal selidik diimplimentasikan untuk memperoleh kesepakatan pakar terhadap mereka bentuk kit inovasi imbuhan (Pa-Long, Chiung-Wen dan Po-Chein, 2011) Jadi, pengkaji menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan pandangan pakar terhadap pembangunan kit inovasi imbuhan. Teknik ini adalah membabitkan penggunaan *fuzzy set theory* yang telah disebatikan dalam kaedah delphi klasik. Skala likert yang dipilih oleh pakar telah diganti dengan skala *fuzzy* yang menggunakan penomboran *fuzzy*. Penomboran *fuzzy* ini terdiri daripada penomboran tema *binary* (0,1). Kesepaduan penomboran *fuzzy* ini akan menghasilkan 3 nilai (m<sub>1</sub>, m<sub>2</sub>, m<sub>3</sub>) yakni nilai minimum, nilai yang paling munasabah dan nilai maksimum. Pengkaji menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* dengan menyusun item yang diubahsuai dari fasa 1 dengan kemas untuk rujukan pakar. Seterusnya, pengkaji mendapat persetujuan daripada kumpulan pakar rujuk yang sudi memberi cadangan dan komen yang membina terhadap kandungan item yang dibina. Pengkaji mentadbir instrumen soal selidik yang mempunyai mengandungi item-item yang didapati melalui analisis keperluan. Para pakar dikehendaki menanda aras persetujuan mereka terhadap setiap item sama ada sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Setelah

menandakan aras persetujuan masing-masing, pakar disediakan ruang untuk memberikan cadangan dan komen terhadap setiap item bagi membuat penambah baikan item. Data Skala Likert diterjemahkan ke dalam bentuk data nombor *fuzzy* dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*.

### Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan

Dalam fasa ini, pengkaji menilai keberkesanan kit inovasi yang direka bentuk dengan menggunakan pendekatan kajian kuasi-eksperimental. Terlebih dahulu, pengkaji mengenal pasti dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kawalan. Sebagai langkah permulaan, pengkaji bertemu dengan guru bahasa Melayu untuk memberi penerangan mengenai kit inovasi yang meliputi teknik penggunaan kit, aktiviti pembelajaran imbuhan serta penilaian penggunaan kit inovasi. Kemudian, murid diberi pendedahan tentang cara pengajaran imbuhan di dalam kelas. Kaedah simulasi awal dilaksanakan dengan harapan murid dapat menyesuaikan diri serta mempunyai pengalaman pertama dengan pengendalian kelas. Langkah seterusnya membabitkan kedua-dua kumpulan yang terlibat dalam ujian pra menjalani proses intervensi. Sewaktu menjalankan kajian kuasi-eksperimental, faktor kawalan yang membabitkan murid, mata pelajaran, tempoh kajian, kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan wajar diberi tumpuan Masek (2012). Dalam pada itu, masih terdapat ancaman-ancaman terhadap kesahan eksperimen. Menurut Chua (2011), kesan ke atas pembolehubah bersandar seperti sejarah, kematanan, instrumen kajian, pilihan dan kehilangan peserta perlu dikurangkan demi memperoleh keputusan eksperimen yang baik.

## DAPATAN KAJIAN

### Fasa 1: Dapatan Fasa Analisis Keperluan

#### Analisis tahap penggunaan imbuhan awalan, akhiran, apitan, dan imbuhan pinjaman dari perspektif murid

Peringkat pertama fasa analisis keperluan adalah untuk melihat tahap penggunaan imbuhan awalan, akhiran, apitan dan imbuhan pinjaman dari perspektif murid. Untuk menjawab persoalan ini, satu soal selidik analisis keperluan diedarkan kepada 163 orang murid di Selangor. Berikutnya adalah analisis dapatan kajian untuk melihat tahap penggunaan imbuhan awalan, akhiran, apitan dan imbuhan pinjaman dari perspektif murid.

JADUAL1: Tahap Penggunaan Imbuhan Awalan, Akhiran, Apitan dan Imbuhan Pinjaman dari Perspektif Murid

Pandangan murid	STS 1 (%)	TS 2 (%)	TP 3 (%)	S 4 (%)	SS 5 (%)	MIN	SP
Saya menggunakan imbuhan awalan dengan betul.	34 (20.9)	46 (28.2)	39 (23.9)	33 (20.2)	11 (6.8)	2.64	1.20
Saya menggunakan imbuhan akhiran dengan betul.	46 (28.2)	39 (23.9)	41 (25.2)	29 (17.8)	8 (4.9)	2.47	1.22
Saya menggunakan imbuhan apitan dengan betul.	43 (26.4)	50 (30.7)	40 (24.5)	27 (16.6)	3 (1.8)	2.37	1.09

Saya menggunakan imbuhan pinjaman dengan betul.	40 (24.5)	48 (29.5)	46 (28.2)	29 (17.8)	0 (0.0)	2.39	1.09
Saya bermotivasi untuk belajar imbuhan.	35 (21.5)	39 (23.9)	39 (23.9)	26 (15.9)	24 (14.8)	2.79	1.33
Bahasa ibunda mempengaruhi saya dalam mempelajari imbuhan.	15 (9.2)	10 (6.1)	29 (17.8)	43 (26.4)	66 (40.5)	3.83	1.27
Saya berminat untuk mempelajari imbuhan.	40 (24.5)	50 (30.7)	16 (9.8)	36 (22.1)	21 (12.9)	2.68	1.39
Ibu bapa saya membimbing saya membuat latihan imbuhan	52 (31.9)	53 (32.5)	22 (13.6)	26 (15.9)	10 (6.1)	2.32	1.24
Faktor persekitaran membantu saya untuk mempelajari imbuhan.	33 (20.2)	36 (22.1)	39 (23.9)	33 (20.2)	22 (13.6)	2.85	1.32
Saya memperuntukkan masa untuk mengulang kaji imbuhan.	56 (34.3)	37 (22.7)	28 (17.2)	30 (18.4)	12 (7.4)	2.42	1.31

Nota: 1- Sangat Tidak Setuju, 2- Tidak Setuju, 3-Tidak Pasti, 4- Setuju, 5-Sangat Setuju

Jadual 1 menunjukkan pandangan murid tentang tahap penggunaan imbuhan. Dapatkan kajian menjelaskan 46 orang murid tidak setuju dengan menggunakan imbuhan awalan dengan betul manakala 20.2% murid setuju dengan item tersebut. Item kedua meninjau tentang penggunaan imbuhan akhiran dan min bagi item tersebut ialah 2.47 (sisihan piawai 1.22). Cuma 29 orang murid yang setuju manakala 4.9% orang murid yang sangat setuju dengan penggunaan imbuhan akhiran dengan betul. Menurut Noor Zila (2015), kesalahan ejaan yang banyak dilakukan oleh murid ialah pengimbuhan dan perlu ditangani dengan segera kerana topik imbuhan merupakan tunjang tatabahasa terutamanya dalam bidang pengimbuhan kata kerja dan kata nama. Item ketiga yang menyentuh tentang imbuhan apitan pula menunjukkan 30.7% orang murid tidak setuju dengan menggunakan imbuhan apitan dengan betul dan min bagi item ini ialah 2.37. Faktor buku teks yang kurang memberi penekanan kepada aspek imbuhan menyebabkan murid menghadapi kesukaran untuk menguasai imbuhan dengan baik. Bagi item keempat pula, skor min ialah 2.39 (sisihan piawai 1.09) dan majoriti murid berpendapat mereka tidak dapat menggunakan imbuhan pinjaman dengan betul. Hal ini jelas menunjukkan tahap pengetahuan murid terhadap penggunaan imbuhan pinjaman adalah membimbangkan. Item kelima yang memberi penekanan terhadap motivasi pembelajaran imbuhan menunjukkan kebanyakan murid tidak bermotivasi untuk belajar imbuhan. Kajian Siti Sukainah et. al. (2014) merumuskan bahawa sikap yang positif, motivasi dan usaha menguasai bahasa sasaran merupakan elemen-elemen penting yang menentukan kejayaan murid bahasa.

Bagi item faktor bahasa ibunda mempengaruhi mempelajaran imbuhan, 3.83 merupakan skor min yang paling tinggi dalam soal selidik ini. Chew (2016) mendapati masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid bahasa kedua adalah berpunca daripada kurangnya sokongan daripada ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan, kurang membaca bahan BM, kurang menonton siaran dalam BM dan tidak aktif dalam aktiviti pembelajaran BM di sekolah. Bagi item seterusnya yang memberi tumpuan kepada minat murid untuk mempelajari imbuhan, 57 daripada 163 orang yang bersetuju dengan item ini dan skor min pula ialah 2.68. Item 8 mencatatkan nilai skor min yang terendah iaitu 2.24 (sishan piawai 1.34). Bagi item ini 36 orang murid tidak mendapat bimbingan ibu bapa. Bagi item 9, dapatkan skor min 3.06 (sisihan piawai 1.23) menunjukkan murid tidak mempunyai kesedaran tentang peranan persekitaran yang boleh mempengaruhi tahap

penguasaan imbuhan. Item 10 juga mencatatkan nilai skor min yang rendah iaitu 2.26 (sisihan piawai 1.26) dengan majoriti murid tidak menyetujui persoalan ini kerana tidak memperuntukkan masa untuk mempelajari imbuhan.

### Analisis Temu Bual Ketua Panitia BM

Soalan separa struktur yang diagihkan kepada Ketua Panitia BM berpandukan tiga sub tema utama, iaitu pandangan Ketua Panitia terhadap bahan permainan imbuhan, peranan kit sokongan dalam PdPc imbuhan, dan aktiviti pengajaran imbuhan berpusatkan murid.

#### Tema 1: Adakah kit sokongan dapat memudahkan PdPc imbuhan awalan, akhiran, apitan dan imbuhan pinjaman?

Semua responden amat berpuas hati dengan penggunaan kit sokongan yang mampu memudahkan PdPc imbuhan awalan, akhiran, apitan dan imbuhan pinjaman. Dua orang responden mengatakan kit sokongan berupaya mengikis rasa bosan murid manakala tiga orang responden berpendapat kit sokongan memang berpotensi untuk melahirkan murid yang aktif dan kreatif. Contohnya, responden 2 (R2) mengatakan bahawa:

R2: “*Kit ini dapat membantu pembelajaran murid secara aktif. Murid berasa seronok. Kit ini memberi nilai tambah pada teknik pengajaran dan guru berkeyakinan untuk melaksanakan PdPc imbuhan berpandukan bahan yang diberi.*”

Responden 3 (R3) dan 4 (R4) pula mengutarkan kit inovasi menyeronokkan kanak-kanak dan mereka mudah menguasai pembelajaran melalui bermain.

R3: “*Pada pandangan saya, kit ini membantu saya untuk mengajar murid di sekolah saya kerana teknik yang ada dalam kit ini menarik minat murid untuk belajar.*”

R4: “*Kefahaman dan penguasaan imbuhan murid-murid sederhana dapat dipertingkat dengan bantuan kit sokongan imbuhan.*”

#### Tema 2: Adakah guru memerlukan bahan alternatif yang berbentuk permainan untuk mempelbagaikan teknik pengajaran imbuhan?

Kelima-lima orang responden meluahkan hasrat untuk mendapatkan bahan alternatif dalam bentuk permainan untuk mempelbagaikan teknik pengajaran imbuhan. Mereka juga berharap agar penggunaan buku teks perlu dikurangkan seperti yang dinyatakan oleh Ghazali Yusri et al. (2012) bahawa penggunaan buku teks adalah sebagai panduan semata-mata dan bukanlah matlamat akhir pembelajaran. Dalam pada itu, responden 5 (R5) dengan yakin mengatakan bahawa:

R5: “*Aktiviti permainan dapat merangsang minat dan mendorong motivasi yang tinggi dalam kalangan murid untuk mempelajari imbuhan.*”

Responden 2 (R2) pula berpandangan aktiviti permainan dapat menghiburkan murid dan sekaligus memupuk semangat untuk belajar imbuhan dengan rajin.

R2: “*Aktiviti permainan beri peluang kepada murid untuk bergerak bebas, mendedahkan aktiviti sebenar kepada mereka, dan melatih mereka memberi fokus dalam pembelajaran.*”

**Tema 3: Adakah aktiviti pengajaran imbuhan perlu berpusatkan murid dan guru sebagai fasilitator?**

Semua responden sebulat suara bersetuju dengan kenyataan ini. Mereka berpendapat aktiviti pengajaran yang amat sesuai dengan murid akan membantu guru membimbing murid melonjakkan tahap penguasaan dan meningkatkan pencapaian dalam imbuhan. Berikut ini, responden 1 (R1), responden 2 (R3) dan responden 4 (R4) berpendirian bahawa:

R1: “*Konsep pembinaan aktiviti pengajaran perlu berasaskan aktiviti pengajaran abad ke-21 yang berfokuskan murid dan penglibatan guru yang minimum dalam PdPc imbuhan.*”

R3: “*Aktiviti pengajaran yang berpusatkan murid berupaya melahirkan murid yang dapat mengembangkan kemahiran bersosial. Mereka juga dapat menyemai ciri-ciri kepimpinan dan semangat persaingan yang sihat.*”

R4: “*Aktiviti pengajaran yang berfokuskan murid memberi peluang kepada murid untuk melatih dan menguasai pelbagai kemahiran bahasa. Guru juga mampu membaiki kelemahan dan kesilapan murid dalam imbuhan.*”

**Fasa 2: Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi**

**Dapatan Komponen Kit Inovasi Kata Berimbuhan Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi**

JADUAL 2. Pemaparan Elemen dan Konstruk Pertama Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi.

BAHAGIAN A: Kandungan Kit Inovasi Kata Berimbuhan

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Defuzzification Process</i>				Kesepakatan Pakar	Kedudukan
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratusan Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)		
1	Kandungan kit inovasi kata berimbuhan menepati Standard Pembelajaran (SP).	0.199	95.0%	0.690	0.845	0.945	0.827	TERIMA	4
2	Kandungan kit inovasi kata berimbuhan sesuai dengan murid.	0.162	100.0%	0.650	0.825	0.950	0.808	TERIMA	5
3	Objektif kandungan kit inovasi dinyatakan dengan jelas.	0.145	100.0%	0.720	0.880	0.970	0.857	TERIMA	2
4	Arahan yang jelas dan mudah difahami oleh murid.	0.100	100.00%	0.740	0.905	0.985	0.877	TERIMA	1
5	Senarai kata berimbuhan berpandukan buku teks BM.	0.107	100.00%	0.680	0.865	0.975	0.840	TERIMA	3

JADUAL 3. Pemaparan Elemen dan Konstruk Kedua Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi.

BAHAGIAN B: Hasil Pembelajaran Kit Inovasi Kata Berimbuhan

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Defuzzification Process</i>				Kesepakatan Pakar	Kedudukan
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratusan Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)		
1	Kit inovasi kata berimbuhan membantu murid menguasai imbuhan.	0.133	100.0%	0.640	0.830	0.960	0.810	TERIMA	5
2	Kit inovasi kata berimbuhan meningkatkan motivasi murid untuk belajar.	0.151	100.0%	0.650	0.830	0.955	0.812	TERIMA	4
3	Kit inovasi kata berimbuhan merangsang minat murid untuk mempelajari imbuhan.	0.140	100.0%	0.710	0.875	0.970	0.852	TERIMA	2
4	Kit inovasi kata berimbuhan menggalakkan pembelajaran kendiri.	0.147	90.00%	0.690	0.865	0.960	0.838	TERIMA	3
5	Kit inovasi kata berimbuhan sesuai dijadikan bahan rujukan imbuhan.	0.118	100.00%	0.740	0.900	0.980	0.873	TERIMA	1

JADUAL 4. Pemaparan Elemen dan Konstruk Ketiga Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi.

BAHAGIAN C: Reka Bentuk Aktiviti Kit Inovasi Kata Berimbuhan

<b>Bil</b>	<b>Item / Elemen</b>	<b>Syarat Triangular Fuzzy Numbers</b>		<b>Syarat Defuzzification Process</b>				<b>Kesepakatan Pakar</b>	<b>Kedudukan</b>
		<b>Nilai Threshold, d</b>	<b>Peratusan Kesepakatan Kumpulan Pakar, %</b>	<b>m1</b>	<b>m2</b>	<b>m3</b>	<b>Skor Fuzzy (A)</b>		
1	Kad permainan imbuhan meningkatkan pengetahuan kemahiran imbuhan.	0.147	90.00%	0.690	0.865	0.960	0.838	TERIMA	3
2	Cari kata berimbuhan menghubungkan murid dengan penggunaan bahasa seharian.	0.238	85.0%	0.520	0.705	0.855	0.693	TERIMA	4
3	Tukar kod kepada kata berimbuhan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif.	0.133	100.0%	0.640	0.830	0.960	0.810	TERIMA	1
4	Manual penggunaan yang mudah dan mesra pengguna	0.147	90.00%	0.690	0.865	0.960	0.838	TERIMA	2
5	Semua aktiviti kit inovasi kata berimbuhan melonjakkan prestasi murid dalam imbuhan.	0.275	75.0%	0.520	0.695	0.835	0.683	TERIMA	5

JADUAL 5. Pemaparan elemen dan konstruk keempat Berdasarkan Kaedah Fuzzy Delphi.

BAHAGIAN D: Penilaian Kendiri Kit Inovasi Kata Berimbuhan

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Defuzzification Process</i>				Kesepakatan Pakar	Kedudukan
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratusan Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor Fuzzy (A)		
1	Uji minda kata berimbuhan latihan berbentuk 3P untuk meningkatkan tahap penguasaan imbuhan dalam kalangan murid.	0.177	100.0%	0.690	0.850	0.955	0.832	TERIMA	1
2	Latihan 3P yang berbagai-bagai bentuk dan jenis berpandukan tema.	0.133	100.0%	0.590	0.780	0.935	0.768	TERIMA	2
3	Semua latihan 3P sesuai untuk pelbagai aras pencapaian murid.	0.148	100.0%	0.620	0.805	0.945	0.790	TERIMA	3
4	Latihan membantu guru merancang dan melaksanakan Pembelajaran Abad Ke- 21.	0.163	100.00%	0.720	0.875	0.965	0.853	TERIMA	4
5	Murid berpeluang menyemak sendiri jawaban setelah membuat latihan.	0.157	100.00%	0.660	0.835	0.955	0.817	TERIMA	5

### Fasa 3: Dapatkan Penilaian Kebolehgunaan Kit Inovasi Imbuhan

Fasa ini adalah untuk membuat penilaian terhadap prototaip kit inovasi imbuhan yang dibentuk berdasarkan kuasi-eksperimental. Data yang diperoleh dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan statistik inferensi ujian-t sampel berpasangan. Dalam kajian ini, hipotesi telah diuji pada aras signifikan 0.05 (Chua, 2012). Hasil dapatan kajian dihuraikan seperti yang berikut:

**Soalan kajian 1:** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian keseluruhan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra?

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian keseluruhan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra.

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian keseluruhan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra.

JADUAL 6. Min, Sisihan Piawai dan Ujian-t Tak Bersandar Pencapaian antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pra.

Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Kumpulan rawatan	34	33.94	8.676	-.432	.668
Kumpulan kawalan	34	34.79	8.786		

Berdasarkan Jadual 6, nilai p yang ditunjukkan adalah lebih besar dari aras keertian yang ditetapkan ( $0.668 > 0.05$ ). Maka kita menerima Ho. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian keseluruhan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra. Ini bermakna, kedua-dua kumpulan ini mempunyai tahap pencapaian yang sama sebelum mereka diberi rawatan.

**Soalan kajian 2:** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan rawatan dalam ujian pra dan ujian pasca?

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan rawatan dalam ujian pra dan ujian pasca.

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan rawatan dalam ujian pra dan ujian pasca.

JADUAL 7. Min, Sisihan Piawai dan Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Skor Min Pencapaian Kumpulan Rawatan dalam Ujian Pra dan Pasca

Kumpulan rawatan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Pra	34	33.94	8.676	-33.982	.000
Pasca	34	75.85	10.419		
Pra - Pasca	34	41.91	7.192		

Berpandukan Jadual 7, nilai p yang ditunjukkan adalah lebih kecil dari aras keertian yang ditetapkan ( $0.000 < 0.05$ ). Maka kita menolak Ho. Analisis ujian-t sampel berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pencapaian kumpulan rawatan

dalam ujian pra dan pasca. Ini bermakna, murid kumpulan eksperimen ini mempunyai tahap pencapaian yang signifikan selepas mereka diberi rawatan.

**Soalan kajian 3:** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca?

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca.

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca.

JADUAL 8. Min, Sishan Piawai dan Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Skor Min Pencapaian Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pra dan Pasca

Kumpulan kawalan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Pra	34	34.90	9.174	-7.141	.000
Pasca	34	45.10	7.019		
Pra - Pasca	34	10.20	7.823		

Berdasarkan Jadual 8, analisis ujian-t sampel berpasangan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min pencapaian keseluruhan murid kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca. Nilai p yang ditunjukkan dalam jadual di atas adalah lebih kecil dari aras keertian yang ditetapkan ( $0.000 < 0.05$ ). Maka kita menolak Ho. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kumpulan kawalan dalam ujian pra dan ujian pasca.

**Soalan 4:** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca?

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca.

JADUAL 9. Ujian-t Tak Bersandar bagi Perbezaan Skor Min Pencapaian antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pasca

Kumpulan	N	Min	Sisihan piawai	Nilai-t	Tahap signifikan
Kumpulan rawatan	34	75.85	10.419	15.635	.000
Kumpulan kawalan	34	44.47	6.912		

Jadual 9 menjelaskan pencapaian kedua-dua kumpulan ini menunjukkan perbezaan yang ketara melalui skor min yang diperoleh. Nilai p yang ditunjukkan dalam jadual 9 adalah lebih kecil dari aras keertian yang ditetapkan ( $0.000 < 0.05$ ). Maka kita menolak Ho. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam ujian pasca. Keputusan ini juga membuktikan

terdapat peningkatan prestasi pencapaian murid dari kumpulan rawatan setelah enam kali proses rawatan dijalankan.

## KESIMPULAN

Kajian ini secara spesifiknya berpaksi kepada masalah penguasaan imbuhan awalan, akhiran, apitan dan imbuhan pinjaman yang semakin banyak berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah. Hasil analisis keperluan mendapati kit inovasi imbuhan wajib dibangunkan untuk membantu murid dan guru supaya PdPc imbuhan dapat dilaksanakan dengan mudah. Hasil kajian menunjukkan warga pendidik BM bersetuju dengan kewujudan kit inovasi imbuhan yang lebih berfokus kepada aktiviti permainan dan faedah pendekatan ini terhadap murid sekolah rendah. Hasil analisis *Fuzzy Delphi* kesemua pakar bersetuju dengan elemen-elemen atau item kit inovasi imbuhan yang dibina. Nilai *threshold d* kurang daripada 0.2, peratusan keseluruhan pakar melebihi 75% dan *defuzzification (alpha-cut)* melebihi 0.5. Dapatkan ini menunjukkan bahawa terdapat konsensus pakar terhadap elemen kit inovasi imbuhan yang dibentuk dan tiada item yang digugurkan. Hasil dapatan fasa ketiga menunjukkan kumpulan rawatan lebih berkebolehan dalam menguasai imbuhan berbanding dengan kumpulan kawalan. Dapatkan kajian menunjukkan keberkesanan kit inovasi kata berimbuhan dalam PdPc imbuhan mampu meningkatkan penguasaan imbuhan dalam kalangan murid. Hal ini kerana, julung kali pembangunan kit inovasi imbuhan dalam bentuk permainan ini merangkumi kesemua imbuhan yang wajar dikuasai oleh murid mengikut DSKP. Tambahan pula, dapatan kajian juga membuktikan keberkesanan kit inovasi imbuhan dapat mencungkil minat murid lemah untuk menguasai imbuhan dengan lebih berkesan.

## RUJUKAN

- Ahmed Hafizainol Ahmed Idris, and Karim Harun. 2020. Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Pondok Bantan Thailand. *Jurnal Melayu, Isu (Khas)*, 457-477.
- Alhaadi Ismail & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Analisis Kesalahan dalam Penulisan Pelajar Bahasa Kedua dari Aspek Morfologi. *Jurnal Lingusitik*, 22(1), 24–31.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. 2016. Pembangunan dan Kebolehgunaan Modul Berasaskan Bermain bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1), 16-29.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3– 13.
- Anderson, C.B. 1975. *Encyclopaedia of Educational Evaluation*. San Francisco: Jossey Bass.
- Brown, B. 1968. Delphi Process: *A Methodology Used for the Elicitation of Opinion of Experts*. Santa Monica: RAND Corporation.
- Chua, Yan Piaw. 2011. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Dalkey, N. 1967. *Delphi*. Santa Monica: The RAND Corporation.
- Gagne, M. R., Wager, W. W., Golas, K. C., & Keller, J. M. 2005. *Principles of Instructional Design*. 5th edition. Belmont, CA: Wadsworth.
- Kartini Abd. Wahab. 2020. Teori sintaksis Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 19 (2), 352-356.
- Masek. 2012. The Effects of Problem Based Learning on Knowledge Acquisition, Critical Thinking and Intrinsic Motivation of Electrical Engineering Students. Universiti Tun

- Hussein Onn Malaysia: Tesis Ijazah Doktor Falsafah.
- McKillip, J. 1987. *Need Analysis: Tools for the Human Service and Education. Applied Social Research Methods Series*. Volume 10. Sage Publications: Thousand Oaks, CA.
- Mohd. Razak Mohd Nordin & Masitah Ahmad. 2016. Penggunaan Teknik Permainan Bahasa dan Main Peranan dalam Kalangan Murid Orang Asli: Satu Tinjauan. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 79–97.
- Mohd. Riduan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussain, Nurulrabiah Mat Noh & Ahmad Arifin Sapar. 2014. *Pengenalan Asas Kaedah Fuzzy Delphi Dalam Reka Bentuk Pembangunan*. Bangi: Minda Intelek Agensi.
- Muhammad Imran Yousuf. 2007. The Delphi Technique. Essays in Education, Spring, 20,89.
- Murray, Pipino, & Gigch, 1985. A pilot study of Fuzzy set modification of Delphi. *Human System Management*, 5 (1), 6-80.
- Noor Zila Md. Yusuf. 2015. Bahasa Antara dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Nor Zaiton Hanafi, Nor Azura Mohd Salleh & Zamri Mahamod. 2008. ‘Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Pelajar Cina Ketika Belajar Bahasa Melayu’. Dlm. Zamri Mahamod. *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa Melayu*, hlm 117-145). Shah Alam: Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Nurul Ariqafitri Jumari, & Maisarah Haron. 2018. Pengajaran dan Pembelajaran Imbuhan Melalui Pendekatan Pembelajaran Aktif. Seminar Bahasa Melayu, 19, 235– 247.
- Pa-Long Chang, Chiung-Wen Hsu & Po-Chein Chang. 2011. Fuzzy Delphi Method for Evaluating Hydrogen Production Technologies. *International Jurnal Of Hydrogen Energy* 36(2011), 14172-14179.
- Reinbold, S. 2013. Using the ADDIE Model in Designing Library Instruction. *Medical Reference Services Quarterly*, 32(3), 244 – 256.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. 2007. *Design and Developmental Research*. New York, NY: Routledge.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin. 2013. *Design and Developmental Research: Emergent Trends in Educational Research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.
- Siti Sukainah Che Mat & Melor Md. Yunus. 2014. Attitudes and Motivation Towards Learning English Among FELDA School Students. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8 (5), 1-8.

**Biodata Penulis:**

**Siva Perumal Narayanan (PhD)** adalah guru bahasa Melayu.

**Vijayaletchumy Subramaniam (PhD)** merupakan Profesor di Jabatan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM.) sejak tahun 1995. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Terapan & Psikolinguistik.